

01 JUN 2001

MAHATHIR-DAIM

DAIM TIDAK LETAK JAWATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak spekulasi yang Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin telah meletakkan jawatan dalam Kabinet.

Ketika ditemui pemberita sekembalinya dari Jakarta selepas menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15), Dr Mahathir berkata beliau tidak menerima apa-apa surat daripada Daim mengenai peletakan jawatan yang diheboh-hebohkan itu.

Apabila diminta mengulas mengenai satu laporan akhbar yang menyatakan bahawa spekulasi Daim akan meletakkan jawatan tidak lama lagi semakin meningkat, beliau berkata "Saya tidak mahu mengulas mengenai spekulasi."

Daim dijangka kembali bertugas hari ini di Kementerian Kewangan selepas bercuti selama dua bulan.

Daim juga bertindak sebagai Menteri Tugas-tugas Khas.

-- BERNAMA

MOT MR SHY PR AA